

## Status Golongan Habib Sebagai Keturunan Nabi SAW

Nur Adilah bt Amiruddin<sup>1</sup> & Fadlan Mohd Othman<sup>2</sup>

Email: <sup>1</sup>dila050990@yahoo.com, <sup>2</sup>fadlan@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2</sup>Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Golongan Habib merupakan satu golongan yang terkenal di serata dunia Islam. Dengan metode dakwah yang tertentu dan dakwaan bahawa para Habib merupakan keturunan Nabi SAW menjadikan golongan ini lebih mendapat tempat dalam masyarakat. Namun, sehingga hari ini belum ada satu kajian khusus yang mengkaji tentang kesahihan dakwaan bahawa golongan Habib merupakan keturunan Nabi SAW. Oleh itu, kertas kerja ini dihasilkan bertujuan untuk mengkaji samada benar atau tidak para Habib ini merupakan keturunan Nabi SAW dan kesannya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif jenis kajian kes yang mana proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah analisis kandungan dan sumber internet. Manakala, proses menganalisis data pula dilakukan dengan menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian ini mendapati bahawa memang benar golongan Habib ini mempunyai salasilah keturunan yang bersambung kepada Nabi SAW dan mereka layak untuk mendapat penghormatan daripada umat Islam terutamanya jika para Habib berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah serta meninggalkan perkara-perkara bid'ah. Justeru, diharapkan kajian ini mampu membantu masyarakat untuk mengetahui status kedudukan Habib sebagai keturunan Nabi SAW dan apakah keistimewaannya.

**Kata Kunci:** *Habib, Keturunan Nabi SAW, Salasilah Habib, Ahl al-Bayt*

### Abstract

The Habibs are well-renowned in the Islamic world. They are a group of Islamic scholars proclaimed to be the descendants of Prophet Muhammad PBUH, also known for their unique approach in preaching people towards Islam. However, there has never been a validate study ascertaining that they really are the descendants of the Prophet Muhammad PBUH. This research is hence produced specifically to study on this topic, using a qualitative design, in which the data collection was done through content analysis and internet sources. The data analysis is done using descriptive method. This study has shown that the Habibs are the descendants of Prophet Muhammad PBUH. They deserve the respect from the Islamic community, as long as they abide to the rulings of al-Quran and as-Sunnah and restrain themselves from heresy. It is hoped that this study is able to assist in further understanding the status of the Habibs as a group of Islamic scholars whose bloodlines descended from the prophet Muhammad PBUH, and also their privileges.

**Keywords:** *Habib, Descendent of Prophet Muhammad SAW, Line of Ancestors, Ahl al-Bayt*

### 1. Pengenalan

Golongan Habib merupakan sebuah golongan yang dikatakan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan dengan Nabi SAW (Mawqi' al-Da'iyyah al-Islamiyah al-Habib 'Umar bin Muhammad Silim bin Hafiz 2008). Ditambah pula dengan metode dakwah mereka yang tersendiri, hasilnya usaha dakwah golongan Habib ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada kebanyakan masyarakat Islam di seluruh dunia. Bahkan, akhir-akhir ini golongan ini mula mendapat tempat juga di negara kita, Malaysia (Malam Cinta Rasul Pagoh Muar 2015: minit ke 13:08).

Namun, satu perkara yang perlu diteliti adalah sejauh manakah kebenaran bahawa mereka mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Nabi SAW. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kesahihan dakwaan yang mengatakan golongan Habib ini adalah keturunan Nabi SAW dan perlu diberikan kedudukan yang istimewa.

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Oleh itu, instrumen yang digunakan bagi kajian ini adalah analisis kandungan terhadap sumber-sumber primer dan skunder termasuklah buku, artikel, jurnal serta tesis. Selain itu, terdapat juga bahan-bahan yang diambil daripada internet kerana bahan berbentuk penulisan yang rasmi mengenai golongan ini begitu terhad. Seterusnya, data yang dikumpul telah dianalisis melalui kaedah deskriptif bagi mendapatkan hasil yang baik.

## **2. Salasilah Keturunan Habib**

Istilah Habib berasal daripada perkataan Bahasa Arab الحب yang bermaksud kasih atau sayang (Ibn Manzur t.th, 1: 290). Manakala الحبيب atau Habib pula membawa maksud orang yang dikasihi (Ibn Manzur t.th, 1: 290). Golongan yang digelar sebagai Habib yang kebanyakannya berasal daripada Yaman hari ini dikatakan sebagai keturunan Nabi SAW. Hal ini adalah sepertimana yang didakwa oleh para Habib sendiri dalam pelbagai bentuk penyampaian termasuklah kuliah-kuliah dan penulisan mereka (Habib Ahmad 2010).

Namun begitu, setakat penelitian penulis tidak terdapat sebarang perbahasan oleh para ulama tentang status Habib sebagai keturunan Nabi SAW ini. Bahkan, belum ada satu kajian yang khusus mengkaji mengenai dakwaan atau kenyataan yang mengatakan bahawa para Habib merupakan keturunan Nabi SAW. Sedangkan para Habib dengan dakwaan bahawa mereka merupakan keturunan Nabi SAW mula mendapat tempat dalam masyarakat Islam di Nusantara. Bahkan, dalam masa yang sama begitu ramai masyarakat yang inginkan kepastian mengenai perkara tersebut.


Buktinya baru-baru ini telah diadakan satu seminar khusus membincangkan tentang latarbelakang serta amalan para Habib yang diadakan di Kelantan pada 4 April 2015 yang lalu dan seminar tersebut telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan (Muhammad Asri Yusoff 2015). Cuma, di dalam seminar tersebut tidak disentuh mengenai sama ada benar atau tidak para Habib merupakan keturunan Nabi SAW. Selain itu, di dalam siri kuliah para *asatizah* di Nusantara juga sering diajukan persoalan mengenai kesahihan status keturunan para Habib sebagai keturunan Nabi SAW (Mohd Asri Zainul Abidin 2015; Azhar Idrus 2016 & Firanda Andirja 2012). Oleh itu, penulis akan menjelaskan mengenai dakwaan tersebut di dalam kertas kerja ini.

Salasilah golongan Habib dikatakan bermula daripada Nabi Ibrahim AS, kemudian melalui jalur anaknya Nabi Ismail AS seterusnya kepada anak Nabi Ismail iaitu Adnan dan berterusan sehingga kepada Nabi SAW kerana itulah keturunan ini juga digelar sebagai keturunan Adnan. Setelah itu, hasil perkahwinan anak perempuan Nabi SAW iaitu Fatimah RA bersama Ali RA telah berkembangnya keturunan Nabi SAW apabila mereka dikurniakan dua cahaya mata iaitu Hassan dan Hussin (Mahayudin Yahaya 1984: 9). Golongan Habib dikatakan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Nabi SAW melalui jalur salah seorang daripada cucu baginda iaitu Hussin RA (Pondok Habib t.th).

Hasil perkahwinan Hussin RA bersama isterinya iaitu Shah Zinan binti Yazdagrid iaitu puteri raja Parsi telah dikurniakan seorang anak yang bernama ‘Ali Zainal ‘Abidīn (Mahayudin Yahaya 1984: 9). ‘Ali Zainal ‘Abidīn kemudiannya mempunyai enam orang anak iaitu Muhammad, Zaid, ‘Ali, al-Husayn, Abdullah dan Umar. Seterusnya daripada Muhammad pula terlahirlah empat orang anak lelaki iaitu Ja’far al-Sadiq, ‘Ali, Ibrahiīm dan Abdullah. Kemudian, daripada empat orang anak Muhammad tersebut cuma Ja’far al-Sadiq sahaja yang mempunyai anak iaitu Isma’īl, Musa, Muhammad, Ishaq, Abdullaah dan ‘Ali atau dikenali juga sebagai ‘Ali *al-Qaim bi al-Basrah*

kerana beliau menetap di Basrah. Seterusnya, ‘Ali *al-Qaim bi al-Basrah* mempunyai 5 orang anak iaitu ‘Ali, Ja’far, al-Hasan, Ahmad dan Muhammad. Begitu juga dengan Ishaq, Muhammad dan Musa juga mempunyai beberapa orang anak. Manakala Isma’il dan Abdullah tidak mempunyai zuriat (Ibn Hazm 1962: 52-68).

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang susur galur yang dimaksudkan, berikut penulis sertakan rajah salasilah ringkas keturunan Nabi SAW sehingga generasi yang ke-6:



Secara umunya, seluruh anak cucu Ali bin Abi Talib RA digelar sebagai ‘Alawiyyin. Jika seseorang yang nasabnya bersambung kepada Ali bin Abi Thalib RA, maka ia digelar sebagai ‘Alawi (Ibn Manzur t.th, 5:94). Oleh itu, keturunan Nabi SAW yang lahir melalui susur jalur ini digelar sebagai kaum ‘Alawiyyin (Ahmad Haydar Baharum 2013: 38).

Pada abad ke-9M, Ali atau dikenali juga sebagai ‘Ali *al-Qaim bi al-Basrah* yang merupakan cucu generasi ke-6 kepada Nabi SAW telah berhijrah dari Madinah ke Basrah, Iraq . Di samping itu, ‘Ali *al-Qaim bi al-Basrah* mempunyai lima orang anak, antaranya adalah Muhammad yang telah bersama-sama berhijrah ke Basrah mengikut ayahnya. Kemudian, Muhammad pula mempunyai anak yang bernama Isa dan cucu yang bernama Ahmad (Mahayudin Yahaya 1984: 11).

Seterusnya, sebahagian besar daripada keturunan ini telah berhijrah ke Hadramawt, Yaman. Tokoh pertama daripada kaum ‘Alawiyyin yang berhijrah ke Hadramawt tersebut adalah Ahmad bin Isa atau dikenali sebagai *al-Muhajir ila Allah* iaitu anak kepada cucu ‘Ali *al-Qaim bi al-Basrah*. Penghijrahan tersebut dilakukan pada tahun 929M iaitu pada abad ke-10M bersama keluarga dan beberapa orang pengikutnya akibat berlakunya kekacauan yang dicetuskan oleh golongan Qaramitah dan Zanj iaitu golongan pemberontak yang berasal dari Afrika di Basrah pada ketika itu (Mahayudin Yahaya 1984: 6; Abdul Qadir Umar Mauladdawilah 2012: 84-85). Maka, secara tidak langsung Ahmad bin Isa merupakan tokoh pertama daripada kaum ‘Alawiyyin yang berhijrah ke Yaman dan mengembangkan Islam di sana (Pondok Habib t.th).

Selain daripada gelaran ‘Alawiyyin, keturunan Ahmad bin Isa juga digelar sebagai Bani ‘Alawi yang mana perkataan ‘Alawi tersebut dinisbahkan kepada cucu Ahmad bin Isa al-Muhajir iaitu ‘Alwi bin Ubaydillah bin Ahmad bin Isa. Tujuan gelaran tersebut adalah untuk membezakan keturunan ini dan keturunan Sayyid yang lain (Abdul Qadir Umar Mauladdawilah 2014: 11).

Menurut al-Shalli (1901, 1: 121-127) iaitu salah seorang ahli sejarah yang terkemuka daripada kaum Syed Hadrami pada abad ke-17M, pada peringkat awal penghijrahan Ahmad bin Isa dan keluarganya ke Yaman, mereka telah menetap di sebuah perkampung yang bernama al-Hajarayn. Kemudian, mereka telah berpindah ke perkampungan Bani Jushayr dan seterusnya ke perkampungan Husiyisah. Di perkampungan tersebut, Ahmad bin Isa juga terpaksa berhadapan

dengan golongan Khawarij yang ekstrem terhadap pegangan mereka. Namun melalui kepintarannya, Ahmad bin Isa mampu menangani golongan tersebut dengan cara menyampaikan dakwah Islam sehingga golongan Khawarij di kawasan tersebut mula terhapus sedikit demi sedikit dan akhirnya menjadikan Yaman sebuah negara Islam yang kukuh berpegang kepada mazhab Sunni Syafie pada ketika itu.

Perkara tersebut merupakan sebuah kejayaan besar buat Ahmad bin Isa kerana bermula dari saat tersebutlah Islam mula berkembang dengan mekarnya di kawasan tersebut (Abdul Qadir Umar Mauladdawilah 2012: 85) dan disebabkan jasanya itu jugalah beliau digelar sebagai *al-Muhajir ila Allah* (Pondok Habib t.th). Seterusnya, setelah dua abad berlalu iaitu pada tahun 1127M, sebahagian besar daripada keturunan Ahmad bin Isa yang diketuai oleh Ali bin ‘Alawi telah berpindah dari perkampungan Husaiyish ke sebuah daerah yang terletak di bahagian selatan Hadramawt iaitu Tarim dan di sana mereka mula membina pengaruh yang kuat dalam masa yang sama digelar sebagai keturunan Syed ‘Alawiyyah (Mahayudin Yahaya 1984: 7; Abdul Qadir Umar Mauladdawilah 2012: 93). Pengaruh mereka berkekalan sehingga hari ini seperti mana yang dapat kita lihat pada hari ini Tarim merupakan pusat kegiatan utama para Habib serta kebanyakkan Habib berasal dari daerah tersebut termasuklah al-Habib Umar bin Salim bin Hafiz (Habib Ahmad 2010).


Selanjutnya, menurut al-Muhibbi iaitu salah seorang ahli sejarah daripada kaum Syed Hadrami pula, sebahagian ulama telah meragui status kaum Syed ‘Alawiyyah sebagai keturunan Nabi SAW dengan mengatakan “Bahawa mereka tidak dapat memastikan kebenaran keturunan Nabi SAW selagi belum ada bukti-bukti yang jelas”. Kemudian, bagi menafikan kenyataan oleh sebahagian ulama’ tersebut, golongan Syed ‘Alawiyyah telah mengutuskan satu rombongan ke Iraq yang diketuai oleh Abu al-Hassan ‘Ali bin Muhammad bersama 100 orang yang bakal mengerjakan haji pada tahun tersebut untuk mendapat pengesahan terus dari kaum Syed ‘Alawiyyah di Iraq. Perkara tersebut telah disaksikan oleh para alim ulama’ disana sekaligus telah diperakui juga kebenaran dakwaan hubungkait golongan Syed ‘Alawiyyah di Hadhramawut dengan keluarga Nabi SAW oleh kaum Syed ‘Alawiyyah di Iraq (Al-Muhibbi 1867, 1:74). Peristiwa ini telah menjadi hujah penguat bagi kaum Syed ‘Alawiyyah.

Walaubagaimanapun, sejarah dan fakta-fakta yang dikemukakan di atas hanya dinukilkkan di dalam karya-karya yang ditulis oleh tokoh sejarah daripada kaum Syed Hadrami dan penyokong mereka sahaja. Antaranya seperti *Al-Mashra’ al-Rawwa fi Manaqib al-Sadah al-Kiram Al Abi ‘Alawi* oleh al-Shalli, *Khulasat al-Athar fi A’yan al-Qarn al-Hadi ‘Ashar* oleh al-Muhibbi, *Risalah al-Mu’awanah* oleh Abdullah bin ‘Alwi al-Haddad dan beberapa karya hasil tulisan tokoh-tokoh di Nusantara. Adapun karya-karya para ulama yang bukan daripada kaum Syed Hadrami yang menulis sejarah mengenai keturunan Nabi SAW seperti *Jamharat al-Nasab* yang ditulis oleh Ibn al-Kalbi, *Kitab al-Tabaqat* yang ditulis oleh Ibn Sa’d, *Jamharah al-Nasab Quraisy* ditulis oleh al-Zubair bin Bakr, *Ansab al-Ashraf* ditulis oleh al-Balazuri dan *Jamharat Ansab al-‘Arab* karya Ibn Hazm tidak ada yang menyatakan mengenai perkara ini termasuklah sejarah tentang penghijrahah Ahmad al-Muhajir dan persaksian oleh 100 orang bakal haji tersebut juga tidak dinyatakan (Ibn Hazm 1962: 52-68 & Ibn al-Kalbi 1986: 127-130).

Namun begitu, keturunan Nabi SAW yang dikenalpasti secara yakin akan kesahihannya adalah sehingga generasi yang keenam melalui jalur Hussin RA sahaja iaitu sehingga kepada ‘Ali *al-Qaim bi al-Basrah*. Jalur keturunan ini disepakati oleh para ahli sejarah baik daripada keturunan Syed Hadrami ataupun tidak. Namun apa yang menjadi persoalan adalah salasilah selepasnya kerana salasilah tersebut terhenti setakat ‘Ali *al-Qaim bi al-Basrah* di kebanyakkan karya-karya daripada ahli sejarah bukan keturunan Syed manakala ahli sejarah daripada keturunan Syed pula telah menyambungkan salasilah tersebut sehingga kepada Ahmad al-Muhajir (Mahayudin Yahaya 1984: 9) dan bermula daripada Ahmad al-Muhajir terciptanya sejarah para Habib yang ada pada hari ini.

Para ulama telah berbeza pendapat dalam menentukan secara tepat akan tahun kelahiran Ahmad bin Isa al-Muhajir, walaubagaimanapun perbezaan tersebut masih dalam lingkungan abad ke-10M (Abdul Qadir Umar Mauladdawilah 2012: 81-82). Setelah diteliti, kebanyakan ahli sejarah yang bukan daripada kaum Syed yang penulis kemukakan sebelum ini hidup pada sekitar abad ke-9M kecuali Ibn Hazm. Ibn Hazm hidup pada abad ke-11M iaitu satu abad selepas Ahmad bin Isa *al-Muhajir ila Allah*. Namun, Ibn Hazm tidak sedikitpun menukilkan sejarah mengenai Ahmad bin Isa al-Muhajir di dalam karyannya *Jamharat Ansab al-'Arab* yang mana karya tersebut merupakan sebuah karya yang memperihalkan tentang keturunan Nabi SAW. Sedangkan Ahmad bin Isa al-Muhajir dan sejarah hidupnya telah berlaku pada abad ke-10M lagi.

Sungguhpun begitu, golongan Syed 'Alawiyah tetap yakin bahawa mereka merupakan keturunan Nabi SAW. Menurut al-Shalli, golongan Syed 'Alawiyah ini bersalasilah kepada Nabi SAW melalui keturunan 'Ali *al-Qaim bi al-Basrah* yang merupakan cucu generasi keenam kepada Nabi SAW. Menurutnya lagi, 'Isa iaitu bapa kepada Ahmad *al-Muhajir ila Allah* adalah cucu kepada 'Ali *al-Qaim bi al-Basrah* tersebut (Muhammad bin Abu Bakr al-Shalli 1901: 1/121-127). Kemudian, daripada Ahmad al-Muhajir tersebutlah lahirnya para Habib dan sejarah mereka di Hadramawt sepermimana yang dapat dilihat hari ini. Untuk gambaran yang lebih jelas, penulis akan menjelaskan pernyataan tersebut melalui rajah berikut:



Salasilah tersebut merupakan gambaran seperti apa yang didakwa oleh ahli sejarah Syed Hadrami. Oleh kerana Bani 'Alawi begitu yakin bahawa mereka merupakan keturunan Nabi SAW, bahkan disertakan pula dengan salasilah yang bersambung kepada baginda SAW disamping tidak terdapat sebarang pengakuan atau fakta yang kukuh untuk mempertikaikan nasab yang sepertimana didakwa oleh mereka tersebut. Maka, penulis berpegang kepada sebuah athar daripada Ibnu 'Abbas katanya:

خَلَّالٌ مِنْ خَلَالِ الْجَاهِلِيَّةِ الطَّعْنُ فِي الْأَسَابِ

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari. Kitab Manaqib al-Ansar. Bab Al-Qasamah fi al-Jahiliyah. No. Hadis: 385]

Maksud: Kebiasaan (yang masih ada pada ummat ini) dari kebiasaan jahiliyyah adalah mencela keturunan dan meratapi (kematian).

Ibnu Hajar ketika mensyarahkan ungkapan *الطَّعْنُ فِي الْأَسَابِ* ini menyatakan bahawa antara sifat-sifat jahiliyyah adalah sebahagian manusia membuat fitnah terhadap nasab orang lain tanpa ilmu (Ibn Hajar al-'Asqalani t.th, 7: 161). Oleh itu, penulis membuat kesimpulan bahawa benarlah para Habib yang merupakan sebahagian daripada Bani 'Alawi adalah sebahagian daripada keturunan Nabi SAW. Selain itu, penulis juga yakin bahawa para sejarawan daripada golongan Syed Hadrami serta para Habib yang ada pada hari ini menyedari akan larangan memalsukan nasab oleh Nabi SAW melalui sabdanya:

مَنْ أَدْعَى إِلَيْهِ عَيْرَ أَبِيهِ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ عَيْرَ أَبِيهِ فَالْجُنَاحُ عَلَيْهِ حَرَامٌ

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari. Kitab al-Fara'id. Bab Man Idda'a ila Ghayri Abihi. No hadis. 6766]

Maksud: Barangsiapa yang mengaku kepada selain bapanya, dan dia mengetahuinya bahwa orang tersebut bukan bapanya, maka haram baginya syurga.

Oleh itu, secara kesimpulannya benarlah para Habib merupakan keturunan Nabi SAW dan seperti yang diketahui umum, keturunan Nabi SAW atau mereka yang digelar sebagai *Ahl al-Bayt* mempunyai kedudukan yang istimewa di sisi Islam sepihiknya yang telah dijelaskan di dalam al-Quran dan Sunnah.

### 3. Kepentingan Mencintai *Ahl al-Bayt*

Secara ringkasnya, *Ahl al-Bayt* atau اهل البيت bermasud penghuni rumah (*Mujma' al-Lughah al-'Arabiyyah*, 2004: 31). Manakala اهل النبي pula bermaksud penghuni rumah Nabi SAW atau keluarga Nabi SAW (*Majdi al-Din Muhammad bin Ya'qub* 1993: 1245). Kemudian, dari sudut istilah pula, *Ahl al-Bayt* bermaksud sesiapa sahaja yang mempunyai salasilah kekeluargaan dengan Nabi SAW iaitu isteri-isteri baginda, anak-anak baginda, seluruh keturunan Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib (*Muhammad Solah al-Manjid*, 2000; *Ibnu Kathir* 1993, 3: 465; *Ibnu Taimiyah* 1382H, 17: 506).

*Ahl al-Bayt* merupakan golongan yang diharamkan daripada menerima zakat. Hal ini didapati berdasarkan beberapa dalil daripada baginda SAW. Antaranya seperti peristiwa yang berikut:

أَخْذَ الْحَسْنُ بْنُ عَلَيٍّ تَمَرًا مِنْ تِمَرِ الصَّدَقَةِ فَجَعَلَهَا فِيهِ قَفَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَيْ كَيْ كَيْ أَرْمَ بِكَمَا أَمَّا عَلِمْتَ أَنَّا لَا نَأْكُلُ الصَّدَقَةَ

[Muslim, Sahih Muslim. Kitab Al-Zakat. Bab Tahrim al-Zakat Ala Rasulillah SAW wa Ala Alihi wa Hum Banu Hashim wa Banu al-Mutalib Dun Ghayrihim. No. Hadis: 1069]

Maksud: Al-Hasan bin 'Ali pernah mengambil sebutir kurma daripada kurma sedeqah yang kemudian ia masukkan ke dalam mulutnya. Maka Rasulullah SAW bersabda: 'Kikh, kikh, muntahkan! Tidakkah engkau tahu bahwa keluarga Muhammad tidak memakan harta sedekah (zakat)?

Oleh yang demikian, para Habib yang ada pada hari ini yang merupakan sebahagian daripada keturunan Nabi SAW juga termasuk dalam kategori golongan yang diharamkan zakat ke atas mereka.

Selain itu, terdapat begitu banyak dalil-dalil yang berupa ayat al-Quran, hadis baginda SAW dan athar menjelaskan tentang kepentingan mencintai *Ahl al-Bayt*. Bahkan boleh dikatakan mencintai *Ahl al-Bayt* merupakan antara bukti kesempurnaan iman seseorang. Antara dalilnya:

- Allah SWT telah berfirman:

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهَبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلُ الْبَيْتِ وَيُظَهِّرُكُمْ تَطْهِيرًا

[Al-Quran, al-Ahzab 33 : 33]

Maksud: Sesungguhnya Allah (perintahkan kepada kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghilangkan dosa dari kamu wahai *Ahl al-Bayt* dan membersihkan kamu sebersih bersihnya.

[Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian Al-Rahman, edisi keduabelas, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 2001). Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya.]

Ayat di atas telah mengangkat darjah *Ahl al-Bayt* iaitu para isteri Nabi SAW dengan cara dihilangkan kesalahan-kesalahan mereka yang lalu sebagai tanda Allah memuliakan mereka (Ibn Kathir 1993, 3: 465).

- ii. Selain itu, Nabi SAW juga pernah bersabda tentang keutamaan *Ahl al-Bayt* melalui sebuah hadis baginda bersabda:

وَأَهْلُ بَيْتِي أَدْكَرْتُمُ اللَّهَ فِي أَهْلِ بَيْتِي أَدْكَرْتُمُ اللَّهَ فِي أَهْلِ بَيْتِي فَقَالَ لَهُ حُصَيْنٌ : وَمَنْ أَهْلُ بَيْتِهِ يَا رَبِّي ؟  
أَلَيْسَ نِسَاءُهُ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ ؟ قَالَ : إِنَّ نِسَاءَهُ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَلَكِنَّ أَهْلَ بَيْتِهِ مِنْ حُرْمَ الصَّدَقَةِ بَعْدَهُ . قَالَ : وَمَنْ هُمْ ؟ قَالَ : هُمْ أَلْ عَلَىٰ وَآلُ عَقِيلٍ وَآلُ جَعْفَرٍ وَآلُ عَبَّاسٍ " قَالَ : أَكُلُّ هُؤُلَاءِ حُرْمَ الصَّدَقَةِ ! قَالَ : نَعَمْ .

[Muslim, Sahih Muslim Kitab Fada'il al-Sahabah. Bab Min Fada'il 'Ali bin Abi Talib. No. Hadis: 2408]

Maksud: Dan *Ahl al-Baytku* (keluargaku). Aku ingatkan kalian kepada Allah tentang *Ahl al-Baytku*, Aku ingatkan kalian kepada Allah tentang *Ahl al-Baytku*, Aku ingatkan kalian kepada Allah tentang *Ahl al-Baytku*. Kemudian Husain berkata kepada Zaid: “Wahai Zaid, siapakah *Ahl al-Bayt* Rasulullah SAW? Bukankah isteri-isteri baginda adalah *Ahl al-Baytnya*?” Zaid bin Arqam menjawab: “Isteri-isteri baginda SAW memang *Ahl al-Bayt*. Namun, *Ahl al-Bayt* beliau adalah orang-orang yang diharamkan menerima zakat sepeninggal beliau”. Husain berkata: “Siapakah mereka itu?”. Zaid menjawab: “Mereka adalah keluarga Ali, keluarga Aqil, keluarga Jaafar, dan keluarga Abbas (Bani Hasyim)”. Husayn berkata: “Apakah mereka semua itu diharamkan menerima zakat?” Zaid menjawab: “Ya”.

Hadis di atas merupakan petikan daripada sebuah hadis yang panjang mengenai dua perkara yang ditinggalkan oleh baginda SAW iaitu al-Quran dan *Ahl al-Bayt*. Manakala, sedekah yang dimaksudkan di dalam hadis tersebut adalah zakat (Al-Nawawi 1929, 15: 181).

- iii. Di samping itu, para sahabat juga begitu mencintai *Ahl al-Bayt*. Perkara ini jelas difahami melalui kata-kata salah seorang sahabat Nabi SAW iaitu Abu Bakar al-Siddiq RA:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَقَرَابَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَبُّ إِلَيَّ أَنْ أَصِلَّ مِنْ فَرَابِتِي

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab Fada'il Kitab Ashab al-Nabi, Bab Sifat Manaqib Qarabati Rasulullah SAW, no. Hadith: 3712]

Maksud: Dan demi Zat yang jiwaku berada di tangan-Nya, sungguh kerabat Rasulullah SAW lebih aku sukai untuk aku sambung (silaturahmi) daripada kerabatku sendiri.

Demikianlah antara dalil-dalil yang membuktikan wajibnya setiap daripada umat Islam untuk mencintai dan menghormati keluarga Nabi SAW atau mereka yang digelar sebagai *Ahl al-Bayt*. Walaubagaimanapun, kecintaan tersebut mestilah kecintaan yang berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah supaya ia tidak membawa kepada penyimpangan sepertimana golongan Syiah telah terpesong dalam mencintai *Ahl al-Bayt* sehingga mengangkat Ali RA sebagai tuhan (Ghalib bin 'Ali 'Iwaji 2001, 1: 144-146).

Perlu diketahui, sebenarnya kemuliaan seseorang atau sesuatu golongan itu terletak pada keimanan serta ketaqwaannya dan bukanlah pada nasab semata-mata ('Abdul Muhsin bin Hammad al-'Abbad 2001: 13-14). Perkara ini selari dengan firman Allah SWT:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاقُكُمْ

[Al-Quran, al-Hujurat 49 : 13]

Maksud: Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu.

Ibnu Kathir ketika mentafsirkan ayat di atas telah membawakan beberapa hadith yang ditegaskan oleh baginda SAW bahawa sebaik-baik manusia adalah manusia yang paling bertaqwa dan sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa atau harta seseorang tetapi Allah SWT hanya melihat kepada hati dan amalan seseorang (Ibnu Kathir 1993, 4: 218-219). Oleh itu, dapat difahami hanya ketaqwaan yang membezakan kedudukan manusia. Manusia yang paling mulia di sisi Allah adalah mereka yang paling bertaqwa.

Di samping itu, nasab atau keturunan juga sesekali tidak mampu menjamin kedudukan seseorang di akhirat kelak. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

فَإِذَا تُفْخَنُ فِي الصُّورِ فَلَا أَنْسَابَ بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ وَلَا يَسْأَلُونَ

[Al-Quran, Mukminun, 23: 101]

Maksud: Apabila sangkakala ditiup maka tidaklah ada lagi pertalian nasab di antara mereka pada hari itu, dan tidak ada pula mereka saling bertanya.

Ketika berlakunya hari kebangkitan, seluruh manusia hanya memikirkan amalan diri masing-masing dan nasab tidak bermanfaat lagi pada ketika itu sekalipun hubungan antara ibu dan anak (Ibnu Kathir 1993, 3: 328). Begitulah juga dengan syafaat dari Nabi SAW, perlu diketahui menjadi sebahagian daripada keturuanan Nabi SAW bukanlah kepastian bahawa seseorang itu akan mendapat syafaat daripada baginda di akhirat kelak iaitu ketika manusia berada di dalam kebimbangan. Hal ini juga dinyatakan di dalam al-Quran:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا حَلَفُهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ارْتَضَى وَهُمْ مِنْ حَشِيمَةِ مُشْفَعُونَ

[Al-Quran, al-Anbiya', 21: 28]

Maksud: Allah mengetahui segala sesuatu yang dihadapan mereka (malaikat) dan yang di belakang mereka, dan mereka tiada memberi syafa'at melainkan kepada orang yang diridhai Allah, dan mereka itu selalu berhati-hati karena takut kepada-Nya.

Ibnu Kathir ketika mentafsirkan perkataan syafaat di dalam ayat di atas telah mendatangkan ayat daripada surah al-Baqarah 146: إِنَّمَا يُشْفَعُ عَنْهُ مَنْ يَنْدَهُ إِلَّا لِمَنِ ارْتَضَى وَهُمْ مِنْ حَشِيمَةِ مُشْفَعُونَ

(Ibnu Kathir 1993: 172). Demikianlah keterangan mengenai syafaat baginda SAW hanya akan diberikan kepada golongan yang mendapat redha Allah dan ketika itu keturunan tidak lagi menjadi keutamaan kecuali orang-orang yang beramal saleh.

Oleh itu, berdasarkan perbincangan tersebut dapat difahami bahawa keturunan tidak mampu memberi jaminan di akhirat kelak. Namun, mereka layak untuk mendapat penghormatan daripada umat Islam jika mereka berpegang teguh kepada al-Quran dan tidak mengetepikan sunnah-sunnah yang diajar oleh baginda SAW. Ketinggian sesuatu nasab itu bergantung kepada amal saleh seseorang kerana amal saleh merupakan perkara pertama yang menjadi nilai di sisi Allah SWT dan bukanlah keturunan.

#### **4. Kesimpulan**

Para Habib yang berasal daripada keturunan Bani ‘Alawi atau digelar juga sebagai ‘Alawiyyin dan Syed ‘Alawiyah yang kebanyakannya berada di Hadhramawt adalah keturunan Nabi SAW. Berdasarkan penelitian terhadap dalil-dalil, didapati bahawa agama sangat menggalakkan supaya umat Islam menghormati dan mencintai *Ahl al-Bayt*. Namun begitu, tidak terdapat sesuatu perkara pun yang mampu menjamin keselamatan seseorang di akhirat kelak termasuklah nasab atau keturunan melainkan diiringi dengan ketaqwaan kepada Allah SWT. Oleh itu, para Habib sewajarnya mendapat penghormatan daripada seluruh umat Islam terutamanya jika mereka berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah serta menjauhi perkara-perkara yang dilarang oleh baginda SAW termasuklah perkara-perkara bid’ah.

#### **Rujukan**

Al-Quran al-Karim

- ‘Abdul Qadir ‘Umar Mauladdawilah. 2014. *26 Mutiara Habaib Nusantara*. Edisi Pertama. Damansara: Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- ‘Abdul Qadir ‘Umar Mauladdawilah. 2012. *Tarim Kota Pusat Peradaban Islam*. Edisi Ke-2. Jawa Timur: Pustaka Basma.
- Abu Nisrina. 2014. Keturunan Nabi Muhammad SAW di Indonesia, [https://www.satuislam.org/humaniora/mozaik - nusantara/ keturunan-nabi-muhammad- saw-di-indonesia/](https://www.satuislam.org/humaniora/mozaik-nusantara/keturunan-nabi-muhammad-saw-di-indonesia/) [20 Mac 2014].
- Ahmad Haydar Baharum. 2013. *Madzhab Para Habaib dan Akar Tradisinya*. Jawa Timur: Pustaka Basma.
- Al-Baladhuri. Ahmad bin Yahya bin Jabīr al-Baladhuri. 1996. *Kitab Jumal min Ansab al-Ashraf*. Edisi Pertama. Riyādh: Dār al-Fikr.
- Al-Bukari. Muḥammad bin Ismā’il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Edisi Pertama. Damsyiq: Dar Ibn Kathir.
- Al-Muhibbi. Muḥammad Amin bin Fadlullah bin Muhibuddin bin Muḥammad al-Muhibbi. 1867. *Khulasat al-Athar fi A’yan al-Qarn al-Hadi ‘Ashar*. T.tpt: Matba’ah al-Wahibah.
- Al-Nawawi. Yahya bin Sharif al-Nawawi Mahyuddin. *Al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim*. Edisi Pertama. Qaherah: Al-Tabaqah al-Misriah al-Azhar.
- Al-Shalli. Muḥammad bin Abu Bakr al-Shalli Ba’lawi. 1901. *Al-Mashra’ al-Rawwa fi Manaqib al-Sadah al-Kiram Al Abi ‘Alawi*. Edisi Pertama. Mesir.
- Azhar Idrus. 2016. Adakah Habib Keturunan Nabi?, <https://www.youtube.com/watch?v=vxlohaJxLuc> [11 Ogos 2016].
- Firanda Andirja. 2012. Apakah Habib Semuanya Keturunan Nabi atau Hanya Gelaran?, <https://www.youtube.com/watch?v=xAfBHnbe-wU&t=66s> [29 Julai 2012].
- Ghalib bin ‘Ali ‘Iwaji. 2001. *Firāq Mu’asirah*. Edisi Keempat. Jeddah: Maktabah al-‘Asriyah al-Zahabiyah.

- Habib ‘Abdullah bin ‘Alawi bin Muhammad al-Haddad. 1994. *Risalah al-Mu’awanah wa al-Mazahirah wa al-Muazirah*. Edisi Ke-2. T.tpt: Dar al-Hawa.
- Habib Ahmad. 2010. Biografi al-Habib Umar bin Salim bin Hafiz,<https://pondokhabib.wordpress.com/2010/09/24/biografi-al-habib-umar-bin-salim-bin-hafiz/>. [24 September 2010].
- Habib Ahmad. 2010. Siapakah Keturunan Rasulullah Para Habaib,<https://pondokhabib.wordpress.com/2010/10/06/siapakah-keturunan-rasulullah-para-habaib/>. [6 Oktober 2010].
- Ibnu al-Kalbi. Hasyim bin Muhammed bin al-Nasaib al-Kalbi. 1986. *Jamharah al-Nasab* Edisi Pertama. Beirut: Maktabah al-Nahdhiyah al-‘Arabiyyah.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani. Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. T.th. *Fath al-Bari*. Riyadh: Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Ibn Hazm. Abu Muhammad ‘Ali bin Ahmad bin Sa’id bin Hazm al-Andalusi. 1962. *Jamharat Ansab al-‘Arab*. Mesir: Dar al-Ma’arif.
- Ibnu Kathir. Abu al-Fida’ Isma’il bin Kathir. 1993. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Edisi Ke-7. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Manzur. Jamaluddin Muhammed ibn Mukarram ibn ‘Ali. T.th. *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Sa’d. Muhammed bin Sa’ad. 2000. *Kitab al-Tabaqat al-Kabir*. Qaherah: Maktabah al-Khanuji.
- Ibnu Taimiyah. Abu al-‘Abbas Taqiuddin Ahmad bin ‘Abd al-Halim. 1382H. *Majmu’ Fatawa*. Edisi Pertama. Riyādh: T. pt.
- Mahayudin Yahaya. 1984. *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majdi al-Din Muhammed bin Ya’qub. 1993. *Al-Qamus al-Muhit*. Edisi Ketiga. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Malam Cinta Rasul Pagoh Muar. 2015. <https://www.youtube.com/watch?v=1KBuRhxnywU> [18 Jun 2015].
- Mas Alamil Huda. 2014. Salah Kaprah Sebutan Habib di Masyarakat, <http://www.republika.co.id/berita/nasional/umum/14/10/11/nd9vk0-salah-kaprah-sebutan-habib-di-masyarakat> [11 Oktober 2014].
- Mauqi’ al-Da’iyah al-Islamiyah al-Habib ‘Umar bin Muhammed Salim bin Hafiz, 2008. <http://www.alhabibomar.com/About.aspx?SectionID=1&RefID=1> [29 Jun 2008].
- Mohd Asri bin Zainul Abidin. 2015. Adakah Golongan Habib Keturunan Nabi?, <https://www.youtube.com/watch?v=9hc3VBLUJh4>, [12 Julain 2015].
- Muhammad Solah al-Manjid. 2000. Man Hum Ahlul Bait, <https://islamqa.info/ar/10055> [4 Ogos 2000].
- Muhammad Asri bin Yusoff. 2015. Seminar Khas: HABIB Antara Kecuaian Ulama & Kebingungan Ummah. Kota Bharu, Kelantan. 9 November 2015.
- Muslim. Abi al-Hussin Muslim bin al-Hujjāj al-Qusyairi al-Naisaburi. 2006. *Sahih Muslim*. Edisi Pertama. Riyadh: Dar Toyyibah li Nashr wa al-Tauzi’.
- Pondok Habib. T.th. Mengenal Asal-usul Para Habib di Nusantara,<https://pondokhabib.wordpress.com/about/mengenal-asal-usul-para-habib-di-nusantara/> [T.th]
- Rabithah ‘Alawiyah. T.th. Misi dan Visi, <http://www.rabithah-alawiyah.org/id/perihal/misi-dan-visi/> [T.th].
- Yusuf Ahmad Muhammed Badwī. 1999. *Maqāṣid al-Syarī‘ah ‘Inda Ibn Taimiyah*. Jordan Dar al-Nafa’is.